

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(DALAM TALIAN)
SEMESTER II
SESI 2020/2021**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 30102
KOD PROGRAM : BBC
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2021
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

- S1a** Sistem pendidikan merupakan saluran untuk menyampaikan kepada rakyat berkenaan dengan wadah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum demi mencapai perpaduan. Oleh itu, pengurusan pendidikan perlu dilaksanakan dengan cemerlang supaya matlamat akhir pendidikan dapat direalisasikan. Senaraikan **lima (5)** prinsip asas pengurusan pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia.
(5 markah)
- S1b** Huraikan **lima (5)** prinsip asas pengurusan pendidikan tersebut dengan jelas berserta dengan contoh yang sesuai.
(20 markah)
- S2a** Sebagai pengurus tertinggi di sesebuah sekolah, seseorang pengetua atau guru besar perlu bijak mengurus dan mentadbir sekolah termasuk guru, kakitangan bukan guru, murid, ibu bapa dan komuniti setempat. Oleh itu, seseorang pengetua atau guru besar perlu mempunyai ciri-ciri gemilang untuk meneraju sekolah dengan cemerlang supaya kemenjadian murid terbilang dapat dilahirkan. Senaraikan **lima (5)** ciri pengetua cemerlang.
(5 markah)
- S2b** Pentadbir merupakan personel yang paling penting dalam sesebuah organisasi seperti peranan nakhoda di lautan luas. Biasanya kejayaan sesebuah organisasi ada korelasi dengan usaha dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh pentadbir. Sebagai seorang pentadbir di sebuah sekolah, jelaskan dengan kritis **lima (5)** peranan dan tanggungjawab anda.
(20 markah)
- S3** Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan sebuah institusi latihan utama di Malaysia yang berperanan memberi latihan kepada bakal pemimpin sekolah. IAB juga bertanggungjawab melaksanakan latihan dalam perkhidmatan kepada barisan pentadbir sekolah untuk membantu memantapkan pentadbiran dan pengurusan di sekolah. Selain daripada memberi latihan kepada bakal pemimpin sekolah, IAB juga mempunyai pelbagai fungsi yang lain. Huraikan dengan jelas **lima (5)** fungsi IAB tersebut berserta dengan contoh yang sesuai.
(25 markah)
- S4a** Wawasan Pendidikan telah menggariskan 6 elemen untuk menjayakan pelaksanaan perkhidmatan pendidikan di sekolah. Senaraikan **lima (5)** elemen tersebut.
(5 markah)

- S4b** Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan agama. Oleh itu, perpaduan amat penting untuk disematkan dalam jati diri setiap warganegara supaya keharmonian negara dapat dikekalkan. Dalam konteks ini, sekolah merupakan tempat paling awal pertemuan antara murid berlainan latar belakang. Sebagai seorang pengetua di Sekolah Menengah Teknik JDT, jelaskan **empat (4)** cara berserta contoh bagaimana anda mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan murid yang berbeza latar belakang, bangsa dan agama.
- (20 markah)

-SOALAN TAMAT-